

02 MAY 1997

Mahathir - Perdagangan

PERDANA MENTERI MAHU PERDAGANGAN DENGAN MALAWI DITINGKATKAN

Oleh: E.Sivabalan

BLANTYRE (MALAWI), 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya perdagangan antara Malaysia dan Malawi ditingkatkan sambil berkata jumlah perdagangan dan pilihan produk sekarang tidak mencerminkan potensi sebenar perdagangan dua hala.

Perdana Menteri berkata perdagangan antara Malaysia dan Malawi masih kecil. Bagaimanapun, beliau mendapati jumlah perdagangan meningkat dari semasa ke semasa.

"Peluang bagi mempertingkatkan perdagangan dua hala cukup luas," kata beliau pada Mesyuarat Perniagaan Malawi-Malaysia di sini.

Dr Mahathir tiba semalam di bandar komersil dan industri ini, 300 km ke barat laut Lilongwe, ibu negara Malawi, untuk lawatan rasmi tiga hari.

Beliau diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan rombongan ahli perniagaan diketuai oleh pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh menjadi sumber yang kompetitif bagi import jentera, perkakasan dan peralatan bagi pengeluaran ringan dan perladangan serta barangan pengguna untuk ekonomi Malawi yang sedang berkembang.

Dr Mahathir berkata Malaysia sedia bekerjasama dengan Malawi bagi mewujudkan hubungan perdagangan dua hala yang memberi manfaat memandangkan Malaysia kini menjadi sumber bagi pelaburan asing di Afrika.

Menurut Perdana Menteri, antara 1992 dan 1996, perdagangan dua hala meningkat purata sebanyak 3.5 peratus setahun dan mencapai AS\$1 juta (RM2.5 juta) tahun lepas berbanding cuma kira-kira AS\$720,000 (RM1.8 juta) lima tahun lepas.

Beliau berkata dalam tempoh itu, eksport Malaysia ke Malawi berkembang sebanyak kira-kira empat peratus setiap tahun untuk mencapai AS\$440,000 (RM1.1 juta) tahun lalu.

Mengenai import pula, Malaysia telah mengimport barangan bernilai kira-kira AS\$560,000 (RM1.4 juta) dari republik itu tahun lalu.

Perdana Menteri berkata Malaysia mengikuti dengan penuh minat pembaharuan pasaran dan penyusunan semula ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan Malawi.

Beliau berkata, langkah kerajaan Malawi menubuhkan Suruhanjaya Penswastaaan di bawah Program Penswastaaan tahun lalu merupakan langkah yang tepat menuju ke arah ekonomi berasaskan pasaran.

"Kami gembira kerana semua usaha ini sekarang berhasil dengan pertumbuhan ekonomi (Malawi) dijangka mencapai 7.1 peratus pada 1997," kata beliau.

Dr Mahathir berkata usaha kerajaan Malawi baru-baru ini untuk menggalakkan dan melindungi pelaburan asing di republik ini dan pada masa yang sama memperluaskan tapak industri adalah kena pada masanya dan disambut baik.

Beliau berharap mesyuarat hari ini akan memperkukuhkan persefahaman yang telah terjalin semasa lawatan oleh delegasi anggota Kabinet dan ahli perniagaan Malawi ke Kuala Lumpur September lalu yang diketuai oleh Presiden negara itu, Dr Bakili Muluzi.

"Dalam hubungan ini, beliau gembira kerana sesetengah usahasama perniagaan telah dilaksanakan atau pada peringkat "advanced" bagi pelaksanaan," katanya.

Beliau menarik perhatian kepada kepentingan Telekom Malaysia Berhad

dalam Telekom Networks Malawi dan projek hotel dan penempatan baru yang akan dilaksanakan oleh G-Two Holdings.

Mengenai hubungan dua hala, Perdana Menteri berkata hubungan antara kedua-dua yang berada pada tahap rendah pada masa-masa lalu mungkin disebabkan oleh faktor sejarah dan geografi.

"Tetapi dengan sistem komunikasi yang lebih baik, babak baru dalam hubungan antara negara telah bermula.

"Hubungan antara Republik Malawi dan Malaysia diharap akan berkembang melalui peningkatan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kalangan ahli perniagaan," kata beliau.

Dr Mahathir menjelaskan kepada para peserta mesyuarat bahawa Malaysia memperjuangkan Kerjasama Selatan-Selatan menerusi perdagangan di kalangan negara membangun.

"Anggota negara-negara Selatan juga diharap bekerjasama bagi memperkukuhkan perdagangan dan aktiviti ekonomi yang lain demi faedah bersama," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA